

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 1

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani kes 831 kanak-kanak dan remaja yang hilang dalam tempoh 9 tahun ini dan apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini dan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat untuk melindungi anak-anak kita.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 11

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah punca dan sebab kehilangan kanak-kanak dan remaja sebagaimana dilaporkan oleh media baru-baru ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK**
ABDUL AZIZ [BACHOK]
TARIKH : **18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 113

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah punca utama peningkatan kes kanak-kanak hilang di seluruh negara dan apakah langkah proaktif yang dilakukan Kementerian untuk mencegah keadaan ini daripada semakin memburuk.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK**
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEUFORT]
TARIKH : **18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 133

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-

- (a) apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian mengenai isu kekerapan kes kehilangan kanak-kanak di Malaysia; dan
- (b) statistik terkini kes kehilangan kanak-kanak di Malaysia dari tahun 2016–2019 mengikut negeri.

JAWAPAN

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan YB Batu Kawan bertarikh 3 Julai 2019 bersekali dengan pertanyaan YB Kangar pada 15 Julai 2019, YB Bachok dan YB Beaufort bertarikh 18 Julai 2019 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Dato' Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sememangnya mengambil serius isu kehilangan kanak-kanak dan remaja. Jumlah kehilangan kanak-kanak dan remaja yang dilaporkan hilang mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2011 hingga Mei 2019 adalah berjumlah **15,042** kes dengan pecahan bilangan kes mengikut negeri seperti berikut:-

BIL	NEGERI	JUMLAH KES
1.	Johor	2,372 (16%)
2.	Selangor	1,911 (13%)
3.	Kedah	1,526 (10%)
4.	Sabah	1,488 (10%)
5.	Kuala Lumpur	1,262
6.	Negeri Sembilan	1,054
7.	Sarawak	957
8.	Perak	856
9.	Pahang	844
10.	Kelantan	839
11.	Pulau Pinang	776
12.	Terengganu	437 (3%)
13.	Melaka	422 (3%)

SOALAN NO. 1, 11, 113, dan 133

BIL	NEGERI	JUMLAH KES
14.	Perlis	298 (2%)
JUMLAH		15,042

Terdapat trend penurunan kes kehilangan kanak-kanak dan remaja bagi tempoh 2011 hingga 2019 dan penurunan signifikan antara tahun 2018 dan sehingga Mei 2019. Untuk makluman, dari jumlah kehilangan 15,042 kes tersebut, sebanyak 14,679 kes telah dijumpai semula (97.6%) manakala 363 kes masih belum ditemui (2.41%). (Dijumpai mati adalah 26 kes).

Berdasarkan kepada statistik tersebut, pihak PDRM mendapati 5 punca utama kes kehilangan kanak-kanak dan remaja di negara kita iaitu:

BIL	PUNCA	JUMLAH KES
1.	Mencari kebebasan diri daripada belunggu keluarga	7,159 kes
2.	Mengikut atau terpengaruh dengan ajakan rakan	3,167 kes
3.	Dipengaruhi oleh kekasih untuk lari daripada rumah	2,252 kes
4.	Pertelingkahan keluarga/kurang perhatian keluarga	1,523 kes
5.	Tidak minat belajar, mencari kerja	577 kes

Ini menunjukkan punca utama kehilangan kanak-kanak dan remaja adalah disebabkan oleh masalah dalaman keluarga serta pengaruh rakan sebaya. Oleh itu, usaha-usaha telah ditumpukan kepada pendekatan advokasi, *awareness* dan pendidikan bagi keluarga dan komuniti setempat serta penambahbaikan sistem penyebaran maklumat telah dipertingkatkan kepada masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL**
 : **[SEKIJANG]**
TARIKH : **3 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 15

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian yang sedia ada mahupun pelan masa hadapan untuk merealisasikan janji bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita sebagai pembuat dasar di setiap peringkat pentadbiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, peratus wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor awam telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 36.1 peratus bagi tahun 2018. Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Berdasarkan senarai Bursa Malaysia pula, pada tahun 2018, terdapat 23 peratus daripada 100 syarikat tersenarai awam tertinggi (*Public Listed Companies*) yang telah mempunyai wanita sebagai ahli dalam Lembaga Pengarahnya berbanding 19.2 peratus pada tahun 2017.

Selain itu, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah menggariskan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik sebagai salah satu sektor daripada 13 sektor yang disenaraikan. Penglibatan 30 peratus wanita dalam kepimpinan satu *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.

Berdasarkan Global Gender Gap Index 2018, Malaysia berada pada kedudukan ke-101 daripada 149 buah negara dengan skor bagi *political empowerment* adalah 0.072 daripada skor 1. Satu skor yang amat rendah berbanding pendidikan iaitu 1.0 iaitu mencapai gender pariti. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia bagi skor ini akan meningkat mendadak memandangkan Malaysia telah buat julung kalinya melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh wanita Malaysia dalam politik. Di samping itu, jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada tiga orang kepada lima orang menteri daripada 27 orang menteri keseluruhannya. Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam

SOALAN NO. 15

bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada ketika ini turut sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*. Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita terutamanya dari aspek pembuat keputusan dan juga politik.

Kajian ini turut akan menilai inisiatif-inisiatif mengarusperdanakan gender yang telah dilaksanakan di setiap badan Kerajaan bagi memastikan isu-isu kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita terus relevan dan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan termasuk penggubalan polisi di peringkat kebangsaan. Selain itu, satu cadangan rangka kerja sebagai panduan mengarusperdanakan gender dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang merangkumi aspek perundangan serta pentadbiran turut telah dibangunkan. Hasil kajian ini juga akan digunakan sebagai input dalam merancang Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi memastikan penglibatan kaum wanita dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Diharapkan wanita-wanita yang memegang portfolio dalam Kerajaan baru dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan. Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang Mulia ini turut diseru agar menyokong agenda wanita negara dan memberikan peluang kepada wanita dalam proses pembangunan negara.